

20/11/1999

Ramli rela serah jawatan MB

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros; Shamshul Azree Samshir  
IPOH, Jumaat - Setelah bekerja keras selama 16 tahun memajukan Perak, terutama ketika kemerosotan industri bijih timah pada 1980-an, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dengan rela sedia menyerahkan tampuk pemerintahan negeri kepada `orang baru' untuk meneruskan usahanya.

Ramli ketika ditemui selepas mengumumkan senarai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya umum kali ini, berkata beliau tidak terkejut dengan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya beliau bertanding di kerusi Parlimen.

Beliau yang mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Gajah dan bertanding di Parlimen Pasir Salak dipercayai ditawarkan jawatan Menteri.

Menurutnya, walaupun sedih untuk melepaskan jawatan berkenaan setelah berhempas pulas menaikkan ekonomi negeri, beliau menerima keputusan pucuk pimpinan parti dengan hati terbuka demi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Katanya, beliau juga berpuas hati dengan tahap pembangunan yang dialami seluruh pelusuk negeri ini.

"Walaupun agak sedih, saya bersyukur dan bangga kerana sepanjang tempoh memegang jawatan Menteri Besar, saya sudah melakukan usaha terbaik untuk memajukan Perak, terutama menaikkan ekonomi negeri yang lumpuh akibat kemerosotan industri bijih timah pada 1980-an.

"Saya akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, walaupun kali ini melalui jawatan yang berbeza," katanya.

Ramli juga berharap bakal penggantinya mampu melaksanakan tugas dengan baik, terutama menjalin hubungan mesra dengan rakyat dan menarik lebih banyak kegiatan ekonomi, terutama perindustrian ke negeri ini.

Menurutnya, antara punca negeri ini mampu membangun dengan pesat, ialah Kerajaan Perak melaksanakan pelbagai dasar merangsang kemasukan pelabur, termasuk menawarkan pelbagai insentif dan menyediakan infrastruktur yang baik.

Ditanya sama ada beliau ditawarkan jawatan menteri oleh Perdana Menteri, Ramli berkata, apa yang lebih diutamakan sekarang ialah memastikan kemenangan besar memihak kepada BN dalam pilihan raya.

"Keputusan itu (diberikan jawatan Menteri) terletak di tangan Perdana Menteri, tetapi nampaknya ia sesuatu yang positif," katanya.

Ramli mengambil alih jawatan Menteri Besar pada 1983 dan menjadi Ahli DUN Kampung Gajah sejak 1978.

(END)